

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7335

SOALAN:

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini adakah kes wanita yang ditipu untuk menjadi keldai dadah (drug mule) dapat dikurangkan oleh Kementerian dan apakah langkah Kementerian untuk membendung masalah ini sama ada yang melibatkan dalam negeri dan di luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik PDRM dari tahun 2011 hingga Ogos 2014, tangkapan wanita tempatan di luar negara yang terlibat sebagai keldai dadah dilaporkan menurun. Pecahan tangkapan adalah seperti berikut:

Tahun	Tangkapan Keldai Dadah Wanita Di Luar Negara
2011	28
2012	7
2013	16
2014 (Jan – Ogos)	5
Jumlah	56

Penurunan tangkapan ini adalah hasil daripada tindakan pembanterasannya ke atas sindiket-sindiket pengedaran dadah yang merekrut keldai dadah. Di samping itu, PDRM turut menjalankan kempen kesedaran dengan mengadakan ceramah, forum, pameran serta hebahan media mengenai trend keldai dadah semasa.

PDRM akan terus mempertingkatkan usaha untuk mengekang warga tempatan dari terjebak sebagai keldai dadah. Selain itu, PDRM telah mempertingkatkan lagi jaringan kerjasama dengan

agensi penguatkuasaan negara asing dalam berkongsi maklumat risikan.